

Mahathir akan hadiah Proton Saga pada Suharto

Ⓐ Dari Rosli
Ismail

JAKARTA 7 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan menghadiahkan sebuah kereta Proton Saga kepada Presiden Suharto dalam lawatan tidak rasminya selama 6 jam ke sini esok. Perdana Menteri akan menyerahkan kereta nasional Malaysia dalam pertemuan mereka di kediaman Presiden Indonesia di Jalan Cendang di sini.

Utusan difahamkan hari ini bahawa kereta Proton Saga berkenaan akan diterbangkan ke sini dengan sebuah pesawat Hercules Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Sementara itu, Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Haji Mohd. Khatib Mohamad memberitahu, kedatangan Datuk Sri Dr. Mahathir adalah merupakan lawatan peribadi untuk meninjau kilang membuat kapal terbang Indonesia, Nurtanio di Bandung. Katanya, lawatan Perdana Menteri adalah bertujuan untuk meninjau kemajuan dan perkembangan industri penerbangan di kilang tersebut.

Menurut beliau, Datuk Sri

Dr. Mahathir akan terbang terus dari Kuala Lumpur menuju ke Bandung pagi esok dan dalam perjalanan pulang akan singgah di Jakarta untuk menemui Presiden Suharto. Perdana Menteri akan berangkat pulang petang esok juga.

Duta Besar itu tidak memberi sebarang butir lanjut mengenai lawatan berkenaan kecuali semasa di Nurtanio, Datuk Sri Dr. Mahathir akan disambut oleh Menteri Sains, Penyelidikan dan Teknologi Indonesia, B.J. Habibie yang juga direktor utama kilang kapal terbang itu.

Katanya, semasa di kilang itu, Perdana Menteri akan diberi taklimat mengenai industri penerbangan Indonesia dan dibawa melawat ke sekitarnya.

Utusan juga difahamkan terdapat kemungkinan lawatan Datuk Sri Dr. Mahathir adalah dengan tujuan untuk merintis kerjasama Malaysia Indonesia dalam industri penerbangan. Dalam pada itu, baru-baru ini satu rombongan syarikat penerbangan swasta Malaysia Air Charter telah membuat lawatan ke kilang itu untuk meninjau kemungkinan bagi pembelian tiga buah kapal terbang jenis Casa.

Adalah difahamkan, rancangan pembelian kapal terbang dari Nurtanio adalah bagi kegunaan mereka untuk projek membuat hujan tiruan atas kontrak dari kerajaan.